



Universiti  
Malaysia  
PAHANG  
Engineering • Technology • Creativity

LAPORAN TAHUNAN

# 2014

Berasaskan Nilai,  
Berkonsentrasi Strategi,  
Berprestasi

[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)





# SIDANG EDITORIAL

**PENAUNG**

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir bin Daing Ibrahim

**PENGERUSI**

Abd. Rahman Haji Safie

**SETIAUSAHA**

Safriza Baharuddin

**AHLI-AHLI**

Dr. Syarifah Nur Aqida Syed Ahmad, Dr. Fadhlur Rahman Mohd Romlay, Dr. Fahmi Samsuri, Dr. Nina Suhaity Azmi, Dr. Mohd Yuhyi Mohd Tadza, Ahmad Fauzi Mohamed Shah, Shahrizai Haji Sarif, Abd Razak Ja'afar, Rosidah Hassan, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain, Haryani Abdullah, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais, Azlina Daharudin, Abd Rahman Ahmad, Haslizahanim Mohd. Razali, Hazlina Faizal, Mimi Rabita Abd Wahit, Amirul Ahmad, Nor Ashikin Sulaiman, Hajah Kamariah Gono, Abdul Aziz Abdul Wahab, Azlina Abdul Mubin, Nurul Intan Safinaz, Yang Mulia Raja Allen Jordan Izzuddin Shah Raja Baharudin, Wan Azlee Haji Wan Abdullah, Ernie Nurazlin Lizam, Muhammad Farhan Muhamad, Jamil Basri, Hazman Abdul, Ahmad Fadly Ibrahim, Zuriaty Zol, Emma Melati Burhanuddin, Norul Fadilah Abdullah, Azrizulazmi Bustan, Saharudin Ramli, Idayu Mat Ali, Syarifah Ikhmar Afzan Syed Abd Rahman, Rahiatul Adawiyah Mohd Ruslan, Muhammad Azli Shukri, Raihana Sulaiman, Noraini Md Zamri, Normazliana Ismail, Safuan Shariff, Mohd Rozmillah Othman dan Siti Normaziah Ihsan

**PEREKA BENTUK GRAFIK**

Azman Md Diah  
Noor Azhar Abd Rasid

**JURUFOTO**

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil

**PEMBANTU PENERBITAN**

Hafizatulazlin Abd Aziz

**PENGEDARAN**

Muhammad Kairus Ibrahim

# ISI KANDUNGAN

- 3 Sidan Editorial
- 4 Isi Kandungan
- 5 Misi Korporat
- 6 Universiti Teknologi Pilihan Utama
- 8 Canselor
- 9 Pro-Canselor
- 10 Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- 11 Naib Canselor
- 12 Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti
- 14 Pegawai Utama Universiti
- 16 Ahli Senat Universiti
- 18 Carta Organisasi Universiti Malaysia Pahang
- 19 Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah
- 20 Laporan Naib Canselor
- 22 Pengurusan Sumber Manusia
- 34 Pengurusan Kualiti dan Produktiviti
- 43 KRA 1: Peningkatan Kualiti Akademik
- 68 KRA 2: Kelestarian Kewangan
- 89 KRA 3: Pembangunan Sosioekonomi
- 115 KRA 4: Penjenamaan Untuk Penjajaran Strategik
- 126 Fakulti
- 144 Pusat Kecemerlangan (CoE)
- 156 Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE)
- 168 Pembangunan Kampus
- 171 Laporan Penyata Kewangan 2014

# MISI KORPORAT

## VISI

Menjadi universiti teknologi bertaraf dunia.

## MISI

Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang tinggi kualitinya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang membudayakan kreativiti dan inovasi.

## OBJEKTIF

- Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.
- Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.
- Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.
- Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

## FALSAFAH

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

## NILAI TERAS

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.

## POLISI KUALITI


## POLISI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkau kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultansi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan gunaan serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnes kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.

## SLOGAN

Kualiti dan Teknologi Menjana Kecemerlangan.

# UNIVERSITI TEKNOLOGI PILIHAN UTAMA



Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah ditubuhkan pada tahun 2002. UMP ditubuhkan untuk menawarkan program akademik dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bidang fokus UMP adalah Industri Kimia, Petrokimia dan Sumber Asli serta Industri Pembuatan dan Proses.



## KAMPUS UMP DI PEKAN

Kampus tetap UMP kini telah mula beroperasi di Kuala Pahang, Pekan pada 27 Julai 2009. Ia menempatkan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Kampus seluas 642 ekar ini boleh menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf.

Tujuan utama penubuhan UMP ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- Kejuruteraan Kimia;
- Bioteknologi Industri;
- Kejuruteraan Automotif; dan
- Kejuruteraan Pembuatan.

## KAMPUS UMP DI GAMBANG

UMP beroperasi di kampus yang terletak di Gambang, Kuantan. Kampus yang terletak di kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 65,000 meter persegi yang boleh menempatkan 4,000 orang pelajar. Kampus UMP terletak di lokasi strategik berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur.

## KONSEP DAN CIRI-CIRI UTAMA

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMP menawarkan pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis;
- Berteraskangunaan dan kemahiran;
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali;
- Melibatkan pembelajaran secara aktif;
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri; dan
- Mengamalkan budaya kerja cemerlang.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran. Ini bermakna – di samping latihan industri – para pelajar didedahkan juga cara penggunaan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti pengkomersialan dan produk penyelidikan. UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. UMP komited dalam membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 43 program doktor falsafah, 43 program sarjana, 27 program ijazah sarjana muda, dan lima program diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh sembilan fakulti berikut:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA);
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP);
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM);
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA);
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTek);
- Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI); dan
- Fakulti Pengurusan Industri (FIM)

Di samping sembilan fakulti tersebut, UMP juga mempunyai tiga buah pusat iaitu Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan UMP Advanced Education (UAE). Selain itu, UMP juga mempunyai enam buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC), Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM), Pusat Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF), Pusat Penyelidikan IBM & HeiTech Padu Berhad dan Pusat Kajian Nadir Bumi dan Pusat Penyelidikan Bio-Aromatik.

Malah, kewujudan UMP juga turut menyumbang kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) apabila diumumkan sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan ECER KPT dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Produk Biodegrasi & Biobahan Bakar dalam pembangunan kluster minyak, gas dan petrokimia.

UMP juga diumumkan sebagai peneraju Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) acuan tekap (*die and mold*) hasil kerjasama dengan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. (Miyazu), Sistem Suspensi melibatkan Sapura Industrial Berhad (Sapura), pemindahan serta perkongsian teknologi dalam bidang Radio Frekuensi dan *Wireless* hasil kerjasama dengan Keysight Technologies, bagi peningkatan kebolehpasaran graduan dengan menyediakan latihan dan kelengkapan kemahiran. Dalam industri pembinaan pula adalah hasil kerjasama dengan *Construction Industry Development Board (CIDB)* dan kerjasama dalam bidang Bioteknologi pula adalah untuk memberi nilai tambah dari segi kemahiran insaniah kepada bakal graduan dalam bidang teknologi di seluruh Malaysia.

Malah, melalui komitmen dan kerjasama pintar dengan IBM dan HeiTech Padu Berhad, UMP telah diberi pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan IBM, Kampus Akademik yang pertama di Malaysia oleh IBM.



## CANSELOR

**KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU MAHKOTA PAHANG  
TENGKU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**  
DK., SSAP., SIMP., DK (Terengganu)., DK (Johor)., SPMJ., PAT.





## PRO-CANSELOR

**YANG HORMAT TAN SRI DATO' SRI HAJI MOHD KHAMIL JAMIL**



## PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

**DATO' SRI MOHD HILMEY BIN MOHD TAIB**



## NAIB CANSOLOR

**PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM**

# AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

## PENGERUSI

- 1 Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd Taib**  
Pengerusi Eksekutif  
HeiTech Padu Berhad

## AHLI-AHLI

- 2 Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang
- 3 Puan Sri Datuk Rohani binti Abdullah**  
Felo Kanan  
International Business School  
UTM
- 4 Datuk Aminar Rashid bin Salleh**  
Presiden & Ketua Pegawai  
Eksekutif  
Perusahaan Otomobil Kedua  
Sdn. Bhd. (PERODUA)
- 5 Dato' Haji Ahmad Azmey bin Haji Abu Talib**  
Pengarah  
Jabatan Pendidikan Menengah  
Rendah  
Felda
- 6 Dato' Ir. Jamaludin bin Osman**  
Pengarah Urusan  
I&P Group Sdn. Bhd.

- 7 Tuan Haji Ahmad Zakie bin Haji Ahmad Shariff**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan  
Perbadanan Menteri Besar  
Kelantan (PMBK)

- 8 Puan Wan Siti Eshah binti Wan Ahmad**  
Timbalan Setiausaha Bahagian  
(Bahagian Pinjaman Perumahan)  
Kementerian Kewangan  
Malaysia

- 9 Profesor Madya Dr. Jaafar bin Jantan**  
Pengarah  
(Pengurusan Pembangunan  
Akademik)  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pendidikan  
Malaysia

- 10 Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid bin Syed Abdul Rahman**  
Pengarah Urusan  
AJ Infinite (M) Sdn. Bhd.

- 11 Profesor Ir. Dr. Hassan bin Ibrahim**  
Profesor / Ahli Senat  
Universiti Malaysia Pahang

## SETIAUSAHA

- 12 Encik Abd. Rahman bin Haji Safie**  
Pemangku Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang





## PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



**1 Naib Canselor**  
Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim

**2 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**  
Profesor Dato' Dr. Rosli bin Mohd Yunus

**3 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**  
Profesor Dr. Mashitah binti Mohd Yusoff

**4 Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)**  
Profesor Dato' Dr. Yuserrie bin Zainuddin



**5 Pemangku Pendaftar**  
Encik Abd. Rahman bin Haji Safie

**6 Bendahari**  
Encik Zainudin bin Othman

**7 Ketua Pustakawan**  
Tuan Haji Ruslan bin Che Pee

# AHLI SENAT UNIVERSITI

## PENGERUSI

### Naib Canselor

PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM  
*Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), Dip. (ITM), CA (M'sia), FCPA (Australia)*

## AHLI-AHLI

### TIMBALAN NAIB CANSELOR

#### Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS  
*Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)*

#### Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

PROFESOR DR. MASHITAH BINTI MOHD. YUSOFF  
*Ph.D (Wichita State), M.A. (W. Michigan), B.S. (Wichita State)*

#### Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

PROFESOR DATO' DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN  
*Ph.D (UKM), M. Com (Hons) (Wolonggong), B.Soc.Sc (Hons) (USM)*

### DEKAN FAKULTI DAN PENGARAH PUSAT

#### Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam

ENCIK FADZIL BIN MAT YAHAYA  
*M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)*

#### Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

PROFESOR MADYA DR. KAMARUL HAWARI BIN GHAZALI  
*Ph.D (UKM), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)*

#### Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli

PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS, DIMP.  
*Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)*

#### Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

PROFESOR MADYA DR. RIZALMAN BIN MAMAT  
*Ph.D (Birmingham), M.Eng.(UTM), B.Eng.(UTM)*

#### Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

PROFESOR DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF  
*Ph.D (USM), M.Sc. (RPI), B.Sc. (Michigan-Ann Arbor)*

#### Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian

PROFESOR DR. JASNI BINTI MOHAMAD ZAIN  
*Ph.D (Brunel), M.Ed (Hull), PGCE (Sheffield Hallam), B.Sc. (Hons) (Liverpool)*

#### Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri

PROFESOR DR. JAMIL BIN ISMAIL  
*Ph.D (Imperial College, London), B.Sc. (UKM)*

#### Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan

PROFESOR DR. ZULARISAM BIN AB WAHID  
*Ph.D (UTM), M.Eng. (UTM), B.Sc (UTM)*

#### Dekan Fakulti Pengurusan Industri

DR. MOHD RIDZUAN BIN DARUN  
*Ph.D (Lincoln), MBA (UUM), B.Sc. (Southern Illinois)*

#### Dekan Institut Pengajian Siswazah

PROFESOR DR. ABDULLAH BIN EMBONG  
*Ph.D (Loughborough), M.Sc. (Indiana), B.Sc. (Hons) (USM)*

#### Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan

PROFESOR MADYA DR. MUHAMMAD NUBLI BIN ABDUL WAHAB  
*Ph.D (UPM), M.Sc. (UPM) Bach. (UM)*

#### Dekan Penyelidikan Pejabat Penyelidikan

PROFESOR DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI  
*Ph.D (Newcastle Upon Tyne), M.Sc. (UTM), B.Sc. (Worcester Polytechnic Institute, USA)*

#### Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC)

DR. ABDUL ADAM BIN ABDULLAH  
*Ph.D (Tokushima), M.Eng. (Tokushima), B.Eng. (Akita)*



**Pengarah Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM)**

DR. WAN MOHD FAIZAL BIN WAN ISHAK  
*Ph.D (Birmingham), M. Sc. (UPM), B.Sc.(Hons) (UKM)*

**Pengarah Pusat Penyelidikan IBM**

DR. MOHAMED ARIFF BIN AMEEDDEEN  
*Ph.D (Birmingham) Bach. (UMP)*

**Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF)**

PROFESOR MADYA DR. HAYDER A. ABDUL BARI  
*Ph.D (Baghdad), M.Sc. (Baghdad), B.Sc. (Baghdad)*

**Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik**

PROFESOR MADYA DR. SAIFUL NIZAM BIN TAJUDDIN  
*Ph.D (UMP) M.Sc. (USM) B. Appl. Sc. (Hons) (USM)*

**Pengarah Pusat Kajian Nadir Bumi**

PROFESOR DATO' IR DR. BADHRULHISHAM BIN ABDUL AZIZ  
*Ph.D (Kyoto), M.Sc. (Wales), B.Sc. (Colorado)*

**PROFESOR YANG DILANTIK****Profesor Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli**

PROFESOR DR. ZULKEFLI BIN YAACOB  
*Ph.D (Salford), M.Sc. (Texas), B.Sc. (Hons) (Camborne School of Mines, England)*

**Profesor Fakulti Sains & Teknologi Industri**

PROFESOR DR. MOHD RIDZUAN BIN NORDIN  
*Ph.D (Tasmania), MBA (UKM), B.Sc. (Hons) (Tasmania)*

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN ABU BAKAR  
*Ph.D (Hanyang), M.Sc. (Hanyang), B.Eng. (Hanyang)*

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR DR. SHAHRANI BIN ANUAR  
*Ph.D (Ohio), M.Sc. (Syracuse) B.Sc. (Strathclyde)*

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR IR. DR. HASSAN BIN IBRAHIM  
*Ph.D (UMIST, UK), M.Sc. (Ottawa) B.Eng. (ITB, Bandung)*

**Profesor Fakulti Sains & Teknologi Industri**

PROFESOR DR. JOSE RAJAN  
*Ph.D (CSIR), M.Sc. (Andhra), B.Sc. (Kerala)*

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam**

PROFESOR DATIN DR. NASLY BINTI MOHAMED ALI  
*Ph.D (Strathclyde), M.Sc. (UTM), BSc. (Strathclyde)*

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Pembuatan**

PROFESOR DR. SHAMSUDDIN BIN BAHARIN  
*Ph.D (Warwick), M.A (Central Michigan), B.Sc (Ferris State)*

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR DR. MD. MUSTAFIZUR RAHMAN  
*Ph.D. (UKM), M.Sc. Engineering (BUET, Bangladesh), B.Sc. Engineering (BUET, Bangladesh)*

**Profesor Fakulti Pengurusan Industri**

PROFESOR DR. RAZMAN BIN MAT TAHAR  
*Ph.D (Bradford) Ph.D (Salford), M.Sc. (Sunderland), B.Sc (Carleton)*

**AHLI KO-OPT****Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced Education (UAE)**

MOHAMAD ROZI BIN HASSAN  
*M.Sc. (UTM), B.Sc. (UKM)*

**Pengarah Pejabat Antarabangsa**

PROFESOR MADYA DR. AINOL HARYATI BINTI IBRAHIM  
*Ph.D (UIA), M.Sc. (Aston), B.Sc. (George Washington)*

**Pengarah Pusat Keusahawanan**

PROFESOR DR. NOOR AZLINNA BINTI AZIZAN  
*Ph.D (Liverpool), M.Sc. (Southampton), BBA (Western Michigan), Post. Graduate Dip. (Cambridge), DBS (ITM)*

**Penasihat Undang-undang**

DATIN WAN MAIZURINA BINTI WAN OTHMAN  
*B.Lib. (Hons) (UM)*

**AHLI EX-OFFICIO****Ketua Pustakawan**

TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE  
*M.Sc. (USM), Post Graduate Dip. (UiTM), B.Sc. (Hons) (UKM)*


**Bendahari**

ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN  
*C.A. (M), B.Acc. (Hons) (UKM)*

**SETIAUSAHA****Pemangku Pendaftar**

ENCIK ABD. RAHMAN BIN HAJI SAFIE  
*BPA (Hons) (UUM)*

# CARTA ORGANISASI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



**Nota\*\***  
 • ICoE CIBD diselenggarakan oleh FKASA  
 • ICoE AGILENT diselenggarakan oleh FKKEE  
 • ICoE AUTOMOTIF diselenggarakan oleh COE AEC  
 • ICoE BIOTECH diselenggarakan oleh FSTI  
 • ICoE ICT diselenggarakan oleh CoE IBM

**Glosari:**  
 AEC = Pusat Kejuruteraan Automotif  
 FKM = Fak. Kej. Mekanikal  
 FTeK = Fak. Teknologi Kejuruteraan  
 PTMK = Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi  
 BJIM = Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat  
 FKKEE = Fak. Kej. Elektrik & Elektronik  
 FIM = Fak. Pengurusan Industri  
 PIMPIN = Pusat Islam & Pembangunan Insan

CAIC = Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik  
 FKASA = Fak. Kej. Awam & Sumber Alam  
 GACC = Pusat Akademik & Kerjaya Jerman  
 RERC = Pusat Kajian Nadir Bumi  
 CERMM = Pusat Pengurusan & Penyelidikan Sumber Alam  
 FSKKP = Fak. Sistem Komputer & Kej. Perisian  
 OSHMO = Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan  
 IPS = Institut Pengajian Siswazah

CARIFF = Pusat Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju  
 FSTI = Fak. Sains & Teknologi Industri  
 JPPH = Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta  
 FKASA = Fak. Kej. Kimia & Sumber Asli  
 FKP = Fak. Kej. Pembuatan  
 PBMSK = Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
 PPKPK = Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti

CARTA ORGANISASI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

## PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Dalam usaha memartabatkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai “Universiti Teknologi Bertaraf Dunia” tugas pemeraksanaan peranan UMP sebagai salah sebuah universiti berprestij memerlukan komitmen semua pihak khususnya Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Universiti dan seluruh warganya. Kejelasan dan keselarasan matlamat secara akar umbi akan melancarkan lagi seterusnya mempercepatkan lagi sasaran pencapaian universiti. Hasil usaha perekayasaan kurikulum dan aktiviti yang memberi nilai tambah sentiasa dititikberatkan untuk memastikan penawaran program serta kualiti program menepati kehendak pasaran semasa. Bagi tujuan menyuburkan wadah intelektual dan kesarjanaan, *method* pendekatan universiti kepada masyarakat luar perlu lebih bersifat dinamik, berinovasi, proaktif dan berdaya saing seterusnya sentiasa terkehadapan dalam menelusuri pelbagai agenda negara dan antarabangsa.

Matlamat UMP untuk membudayakan kecemerlangan sebagai legasi unggul universiti dan kesediaan mendepani cabaran era transformasi dan globalisasi selaras dengan hala tuju dan objektif universiti. Cita-cita besar ini tidak mungkin mampu direalisasikan tanpa sokongan dan tindakan bersepadu daripada pemegang taruh, warga UMP yang terdiri daripada graduan dan staf serta melibatkan agensi luar dan industri.

UMP dilihat telah bersedia bagi mendapat status autonomi berteraskan prinsip integriti, pembudayaan inovasi dan amalan kerja terbaik, penyuburan idea dan kreativiti yang merupakan sinergi penting demi kelestarian kecemerlangan berprestasi tinggi. Selaras dengan itu, peranan universiti perlu dipertingkatkan melangkaui sempadan fungsi yang lebih luas dan



dinamik merentasi cabaran globalisasi untuk manfaat tuntas semua pihak.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pemegang taruh dan pelanggan atas sokongan padu yang diberikan. Ucapan tahniah juga dipanjangkan kepada seluruh warga UMP atas usaha, inisiatif, sumbangan idea dan kepakaran berterusan demi memastikan nama UMP terpahat ulung di peringkat nasional dan luar negara. Semoga usaha baik ini dipermudahkan Yang Maha Kuasa seterusnya ditambah baik untuk kelangsungan kegemilangan di masa-masa akan datang.

Sebagai penutup kata, saya mengajak semua masyarakat UMP untuk memberi perhatian terhadap hasil usaha dan komitmen kerja bagi matlamat mentransformasikan lanskap persekitaran kerja yang bertunjangan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, dinamik, efisien, berinovasi dan pada masa yang sama tidak mengkesampingkan pemeraksanaan integriti dan nilai-nilai sahsiah.

Salam hormat.

**Dato' Sri Mohd Hilmey bin Mohd Taib**  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Universiti Malaysia Pahang

# LAPORAN NAIB CANSELOR

## BERASASKAN NILAI, BERFOKUSKAN STRATEGI, BERPANDUKAN PRESTASI.

Melempi tahun kedua belas penubuhannya pada 2014, Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus tercabar untuk mengisi falsafah pengasasannya, memaknakan bidang fokusnya dan merealisasikan misi strategiknya untuk menjadi sebuah universiti teknologi pilihan utama. Lebih sedekad berdiri sebagai sebuah Universiti Awam (UA), adalah amat penting bagi UMP memperkukuh asas-asas tiang serinya secara terancang dan teratur bagi memastikan kelestarian kemandiriannya.

Dalam hubungan ini, keupayaan untuk diiktiraf sebagai sebuah institusi yang cemerlang terus diberi penekanan yang serius oleh pihak pengurusan UMP. Dengan tarafnya UA dan Badan Berkanun Persekutuan, UMP memikul beban pertanggungjawaban yang berat dalam konteks kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian terhadap para pelanggan serta pihak berkepentingan dalaman dan luaran. Justeru, satu sikap yang khusus perlu ada pada warga UMP di setiap peringkat dan lapisan bagi memastikan universiti ini terus menerima persepsi positif daripada massa, yang turut mempengaruhi kekukuhan reputasi dan jenamanya.

Oleh yang demikian, pihak pengurusan UMP percaya bahawa pembentukan budaya kerja cemerlang adalah kunci utama yang menadikan produktiviti warganya, dan seterusnya mengupayakan hasil dan *output* berkualiti. Sebagai satu sikap khusus yang didakap oleh seluruh warga UMP, budaya kerja cemerlang perlu



difahami dengan tafsiran yang seragam supaya gerak kerja seterusnya berjalan dalam semangat kesatuan minda dan tindakan, sejajar dengan aspirasi universiti ini dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Semangat kesatuan minda dan tindakan tersebut menuntut penglibatan empat komponen utama warga UMP – pengurusan tertinggi, akademik, pentadbir dan mahasiswa. Maka cabaran utama sepanjang 2014 ialah pengharmonian fungsi dan saling kaitan keempat-empat komponen ini secara terarah melalui keseragaman kerangka kerja, prinsip dan sikap. Dalam konteks ini, terdapat lapan aspek utama yang telah diberikan fokus khusus iaitu pembangunan akademik, pengajaran dan pembelajaran, pencapaian pelajar, inovasi, enrolmen, jaringan kolaborasi, penyelidikan dan harta intelek. Menekuni semua lapan aspek ini, saling kaitan empat komponen warga UMP tersebut amat nyata dan sinergi efektif semua komponen tersebut mampu menghasilkan kecemerlangan dalam jangka masa pendek dan panjang.

Sesuai dengan sistem nilai yang telah disepakati dengan pegangan bersama warga UMP, maka etika merupakan perkara utama kepada pengukuhan asas, pembentukan strategi dan pecutan prestasi universiti ini. Maka dalam usaha menyuburkan UMP dengan iklim budaya kerja cemerlang yang kondusif, maka

lima Nilai Teras ini iaitu Hubungan Yang Kuat Dengan Yang Maha Pencipta, Teguh Mempertahankan Prinsip Yang Disepakati, Kreatif Membuat Keputusan Yang Bijaksana, Cekal Menghadapi Cabaran dan Proaktif Dalam Tindakan akan terus diiktiraf dan dikekalkan sebagai sumber kekuatan universiti ini.

Kesedaran terhadap kepentingan semua Nilai Teras ini sebagai tiang serinya amatlah mustahak khususnya dalam proses percambahan idea bagi mereka bentuk Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang menjadi kesinambungan fasa pengembangan UMP. Cabaran utama di sini ialah keupayaan setiap warga UMP untuk merefleksi masa lalu dan mencerap kemungkinan masa muka untuk mereka bentuk strategi dan inisiatif bagi fasa 2016-2020 dengan menitikberatkan soal kesinambungan, prestasi dan kelestarian.

Menginsafi realiti tersebut, maka pihak pengurusan telah mengenal pasti empat disiplin khusus bagi meningkatkan pecutan prestasi UMP sepanjang tahun 2014 iaitu menekuni usaha semasa yang telah terbukti memberi hasil yang dihasratkan; mengambil inisiatif yang kreatif dan inovatif; melakukan intervensi radikal untuk penajaran yang lebih tepat; dan mengambil tindakan luar biasa yang mengubah permainan. Keempat-empat disiplin ini disasarkan untuk menadikan lima fokus kecemerlangan iaitu usaha yang berterusan, bertindak tepat pada sasaran, bergerak dinamik secara berdisiplin, menetapkan sasaran yang berimpak dan meletakkan prestasi sebagai keutamaan tanpa sebarang kompromi.

Maka sepanjang 2014, pihak pengurusan UMP telah meneliti aspek-aspek kritikal yang mencabar pecutan prestasi dengan menyemak semula kaedah pengurusan prestasi yang diamalkan, menentukan kejelasan sasaran dan pencapaian secara terarah dan meletakkan akauntabiliti sebagai prinsip utama budaya prestasi di universiti ini. Berdasarkan penelitian tersebut, maka kerangka tindakan berikut telah dirumuskan bagi memperkasa jentera operasi universiti ini iaitu mendefinisi matriks prestasi; mengumpul, melapor dan menganalisis data prestasi; mengenal pasti warga kerja yang berprestasi tinggi; mengenal pasti kaedah pengurusan sistem ganjaran; dan melatih atau menggugurkan warga kerja yang

tidak berprestasi.

Kerangka tindakan tersebut dirumus bagi memenuhi empat objektif utama bagi tahun 2014 iaitu melahirkan graduan berketrampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif; menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri; menerajui penyediaan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan bidang tujahan dan kepakaran; dan menerima pengiktirafan sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

Menyedari bahawa pemberian taraf autonomi kini menjadi antara agenda Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), maka UMP terus melaksanakan kerangka tindakan khusus sepanjang tahun 2014 yang berpaksikan produktiviti dan memberi impak tinggi kepada daya saing universiti ini. Justeru, dalam jajaran 'Berasaskan Nilai, Berfokuskan Strategi, Berpandukan Prestasi', lapan agenda berikut telah ditetapkan pihak pengurusan bagi mengisi kerangka tindakan khusus UMP sepanjang tahun 2014:

- Memastikan Nilai Teras UMP terus dihayati melalui proses pembentukan kepercayaan dan pengembangan etos organisasi;
- Meneruskan usaha gigih untuk mencapai status autonomi;
- Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan persaingan secara sihat;
- Memulakan semakan semula falsafah, konsep dan pengurusan prestasi;
- Menggiatkan penglibatan alumni UMP dalam governan Lembaga Pengarah Universiti ke tahap optimum;
- Memastikan kewujudan kepimpinan transformasional di semua peringkat termasuk kepimpinan mahasiswa;
- Melibatkan seramai mungkin mahasiswa dalam pembentukan strategi UMP; dan
- Memastikan pendekatan UMP sentiasa mengatasi kelaziman, berimpak tinggi dan mampu menukar corak permainan.

**Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim**  
Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA




## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

UMP telah diluluskan waran perjawatan sebanyak 1,655 jawatan sehingga 31 Disember 2014.

Jumlah Perjawatan Yang Diluluskan di UMP Tahun 2014

KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN LULUS
Pengurusan Tertinggi	7
Akademik	777
Pengurusan & Profesional	236
Pelaksana	635
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1655</b>





Pada tempoh berakhir 31 Disember 2014, pengisian perjawatan adalah berjumlah 1,704 yang merangkumi perjawatan secara tetap dan kontrak di UMP. Berdasarkan data berkenaan, didapati sejumlah 1,402 jawatan atau 84.71 peratus telah diisi oleh perjawatan secara tetap. Kedudukan perjawatan lantikan tetap dan kontrak secara keseluruhannya seperti paparan jadual di bawah.

Kedudukan Perjawatan Lantikan Tetap dan Kontrak pada tahun 2014

KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN			PERATUS
	LULUS	ISI		ISI
	TETAP	TETAP	KONTRAK	TETAP
Pengurusan Tertinggi	7	6	0	85.71
Akademik	777	587	124	75.42
Pengurusan & Profesional	236	207	16	87.71
Pelaksana	635	603	161	94.96
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1655</b>	<b>1403</b>	<b>301</b>	<b>84.71</b>


Pengisian jawatan akademik adalah berjumlah 711 orang. Pengisian jawatan akademik telah dibahagikan berdasarkan pengelasan jawatan seperti di dalam jadual berikut.



Pengisian perjawatan secara tetap dan kontrak mengikut Kumpulan Perkhidmatan pada tahun 2014

Bilangan Pensyarah yang berkelulusan Doktor Falsafah (Ph.D) turut mencatatkan pertambahan setiap bulan. Sehingga 31 Disember 2014, bilangan Pensyarah yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah ialah seramai 314 orang pensyarah. Bilangan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 22.18% iaitu peningkatan seramai 57 orang pensyarah daripada tahun 2013.

Bilangan Doktor Falsafah sehingga 31 Disember 2014







Bilangan staf Akademik ini terdiri daripada 587 orang lantikan secara tetap dan 124 orang lantikan secara kontrak. Staf kontrak ini terdiri daripada 31 orang warganegara dan 93 orang bukan warganegara.

Pelantikan staf dalam kalangan bukan warganegara turut dilaksanakan bagi menampung keperluan perjawatan di UMP. Bilangan staf bukan warganegara di UMP sehingga 31 Disember 2014 ialah seramai 96 orang yang terdiri daripada 93 orang staf kumpulan akademik dan tiga orang Pegawai Perubatan. Berikut adalah perincian mengikut negara asal.

#### Bilangan Mengikut Negara Asal Sehingga Disember 2014



## KENAIKAN PANGKAT

Eksais kenaikan pangkat pada tahun 2014 bagi perjawatan bukan akademik telah berjaya dilaksanakan mengikut Kumpulan Perkhidmatan berikut seperti di jadual di bawah.

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH
Pengurusan & Profesional	19
Pelaksana	22
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>41</b>

*Perincian perjawatan bukan akademik yang terlibat dalam esais kenaikan pangkat pada tahun 2014*


KUMPULAN PERKHIDMATAN	JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pengurusan & Profesional	Jurutera	J54	1
	Pegawai Teknologi Maklumat	F52	1
	Pustakawan	S52	1
	Timbalan Pendaftar Kanan	N52	1
	Pegawai Kewangan	W52	1
	Pegawai Teknologi Maklumat	F48	1
	Jurutera	J48	1
	Pegawai Latihan Vokasional	J48	1
	Timbalan Pendaftar	N48	1
	Pegawai Belia dan Sukan	S48	1
	Pegawai Teknologi Maklumat	F44	1

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pengurusan & Profesional	Jurutera	J44	1
	Pegawai Latihan Vokasional	J44	2
	Penolong Pendaftar	N44	3
	Pengurus Asrama	N44	1
	Pustakawan	S44	1
	Jumlah Kumpulan Pengurusan & Profesional		19
Pelaksana	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F32	1
	Juruteknik Komputer	FT22	2
	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	J36	2
	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional	J22	1
	Penolong Pegawai Tadbir	N32	2
	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N26	1
	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N22	5
	Pembantu Perpustakaan	S26	1
	Pembantu Perpustakaan	S22	2
	Pembantu Hal Ehwal Islam	S22	1
	Jururawat	U32	1
	Penolong Pegawai Farmasi	U32	1
	Penolong Akauntan	W32	1
	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1
	Jumlah Kumpulan Pelaksana		22
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>41</b>

## STAF CUTI BELAJAR & PENAJAAN FELLOWSHIP

Bagi peningkatan kerjaya staf akademik, sehingga 31 Disember 2014, seramai 116 orang staf sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dan 101 Felo sedang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

*Bilangan staf cuti belajar dan Skim Fellowship sehingga 31 Disember 2014*



Perincian mengikut bidang seperti di dalam jadual di bawah:


*Bilangan staf suti belajar dan Fellowship mengikut bidang pengajian sehingga 31 Disember 2014*

BIDANG	STAF		FELO		JUMLAH
	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	16	0	18	0	34
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	11	0	4	0	15
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	26	0	13	0	39
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	23	0	20	0	43
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	16	0	5	1	22

BIDANG	STAF		FELO		JUMLAH
	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	
Fakulti Sistem Komputer & Fakulti Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	7	0	13	2	22
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	3	0	15	0	18
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTek)	4	0	6	2	12
Fakulti Pengurusan Industri (FIM)	2	0	2	0	4
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	8	0	0	0	8
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>116</b>	<b>0</b>	<b>96</b>	<b>5</b>	<b>217</b>
	<b>116</b>		<b>101</b>		<b>217</b>


Seramai 236 staf cuti belajar dan 46 Felo telah tamat dengan jayanya pengajian di peringkat Doktor Falsafah.

Success Rate Tamat Pengajian Doktor Falsafah Sehingga 31 Disember 2014



	4 TAHUN DAN KE BAWAH	4 TAHUN KE ATAS	JUMLAH
Cuti Belajar	69	167	236
Skim Fellowship	13	33	46
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>82</b>	<b>200</b>	<b>282</b>

Daripada jumlah tersebut, seramai 17 staf dan empat Felo telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan [*Graduate On Time (GOT)*].




	TAHUN GRADUATE ON TIME (GOT)							JUMLAH
	2006	2009	2010	2011	2012	2013	2014	
Graduate On Time (GOT)	1	1	1	1	7	5	5	21
Jumlah Tamat Pengajian (Staf/Felo)	3	24	34	46	56	66	29	258
% GOT	33%	4%	3%	2%	13%	8%	17%	8%

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014 (APC)

UMP telah menganugerahkan perkhidmatan cemerlang kepada 139 orang staf bagi tahun 2014. Berikut adalah maklumat bilangan penerima APC mengikut jabatan:

*Bilangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014*




# MYBRAIN 15

MyBrain15 adalah untuk melahirkan bilangan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf yang secukupnya sebagai pemacu kepada inovasi yang akan memandu ekonomi negara yang berdaya saing.

## PELAJAR PhD GRADUATE ON TIME (GOT)




**KPI** Bilangan pelajar (warganegara dan bukan warganegara) yang menamatkan pengajian PhD dan setaraf di IPTA dengan jaya dalam tempoh yang ditetapkan (GOT) iaitu tidak melebihi 48 bulan (sepenuh masa) dan tidak melebihi 72 bulan (separuh masa).



KPI ini mula diperkenalkan pada tahun 2013 oleh pihak PMO, Kementerian Pendidikan Malaysia.


## GRADUAN PhD (WARGANEGARA)

**KPI** Bilangan pelajar PhD dan setaraf (sepenuh masa dan separuh masa) dalam kalangan warganegara yang digraduatkan oleh IPTA pada tahun semasa.





### STAF AKADEMIK MILIKI 5 TAHUN PENGALAMAN INDUSTRI



TAHUN	2011	2012	2013	2014
Pengalaman Industri	121	128	142	164
Staf Akademik Aktif dan Guru Bahasa	446	485	518	589

Peningkatan staf akademik yang mempunyai lima tahun pengalaman industri sebanyak 43 orang pada 2011 hingga 2014. Data pencapaian termasuk Guru Bahasa.

